



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Liabiliti Awam

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Liabiliti Awam. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi liabiliti undang-undang anda terhadap pihak ketiga akibat daripada kemalangan yang berlaku dalam tempoh perlindungan berkaitan dengan operasi perniagaan anda dan berlaku di dalam skop wilayah.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda terhadap:

Kesemua jumlah yang menjadi liabiliti undang-undang anda untuk membayar pampasan berhubung dengan:

- kecederaan badan (termasuk penyakit) terhadap mana-mana orang; dan/atau
- kerugian atau kerosakan harta

Kesemua kos dan perbelanjaan terhadap tindakan undang-undang

- yang diperolehi semula oleh mana-mana pihak menuntut terhadap anda
- yang dibelanjakan dengan kebenaran bertulis pihak kami

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun (kecuali risiko projek). Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Dalam keadaan bagaimanakah saya perlu menanggung liabiliti?

Anda perlu menanggung liabiliti jika kecederaan atau kerosakan akibat kemalangan berpunca daripada kecuaiannya anda dan/atau pekerja anda.

4. Bolehkah pihak terlibat menyaman di luar Malaysia?

Tidak, polisi ini adalah tertakluk kepada kuasa undang-undang Malaysia sahaja.

5. Apakah had indemniti untuk menginsurans?

Anda dikehendaki membuat keputusan berdasarkan pendedahan liabiliti anda berkaitan dengan operasi perniagaan anda kerana ini menentukan amaun maksimum yang boleh dibayar untuk mana-mana satu kemalangan.

6. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak kami, had indemniti dan tambahan ke atas perlindungan asas.

Had Indemniti x Kadar % (jika ada) : RM _____

Perlindungan tambahan : RM _____

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM _____

7. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM _____

8. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Kecuali untuk risiko projek yang kurang daripada 60 hari, polisi tahunan ini tertakluk kepada Waranti Premium. Sila pastikan anda membayar premium dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa.
- Anda tidak harus mengkuai, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.
- Anda harus memaklumkan ejen atau pihak kami secara bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

9. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Liabiliti tertanggung oleh perjanjian
- Liabiliti untuk membayar pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja
- Liabiliti berhubung dengan kerugian atau kerosakan ke atas harta sendiri atau harta di bawah penjagaan, pemeliharaan dan pengawalan anda.
- Liabiliti yang berpunca daripada gegaran
- Liabiliti yang timbul akibat kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir, asap dan pencemaran.
- Kerugian kewangan tulen
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan
- Risiko perang, dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Tuntutan yang timbul daripada “Sindrom Toksik Protein Lateks” dan Asbestos

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

10. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

11. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

12. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Liabiliti Awam atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.